

(English)



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2020 EXAMINATION**

GENERAL PAPER

Monday, 29 March 2021

Reading Time : 10.30 a.m. - 10.50 a.m.

Answering Time : 10.50 a.m. - 1.50 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) QUESTIONS.**
 - * ANSWER ALL THE QUESTIONS.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Board dated 14.6.2000 on the use of Bahasa Malaysia in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and Bahasa Malaysia Language. Candidates may answer questions either in English or Bahasa Malaysia.

(This question paper has 2 questions printed on 10 pages)

1. **Answer ALL parts of this question.**

The Government of Malaysia had planned to construct a bridge to replace the existing bridge on the river that strides Kuala Terengganu (the bridge project). A locally incorporated company known as Geta Projects Sdn. Bhd. (the said company) were keen to be awarded the bridge project. A gentleman known as Dato Anthony Judas approached the said company and assured the managing director and members of the Board of Directors of the said company that because of his close relations with the Minister in charge of the bridge project, he was able to secure the bridge project from the Government of Malaysia to the said company.

The said company executed an irrevocable letter of undertaking, that in consideration of his services rendered to secure the said project, Dato Anthony Judas would be paid a sum of RM10 million by the said company. The letter of undertaking provided that the sum of RM10 million was to be paid upon the letter of award being issued to the said company. The letter of undertaking was dated 2 January 2020. On the 16 January 2020, the letter of award pertaining to the bridge project was issued to the said company.

There was a public outcry against the award and reports were lodged by several parties to the Malaysian Anti-Corruption Commission. On the 24 January 2020, the Government of Malaysia cancelled the said letter of award to the said company.

You are instructed that the parties do not dispute the letter of undertaking. The said company now seeks your views as to a claim for a refund of the RM10 million from Dato Anthony Judas:

- Appendix A : Letter of Undertaking

(a) Advise your client on the cause/causes of action against Dato Anthony Judas for the refund of the RM10 million.

(20 marks)

(b) Discuss briefly if a contract is entered between parties based on misrepresentation, what are the options available to the innocent party?

(10 marks)

(c) Settle a statement of claim for your client against Dato Anthony Judas based on your advice.

(20 marks)

APPENDIX A

LETTER OF UNDERTAKING

Geta Projects Sdn. Bhd.

To .

Dato Anthony Judas

(NRIC No)

Petaling Jaya, Selangor

(The Procurer)

In consideration of the Procurer procuring and securing the bridge project, the said company would pay a sum of RM10 million to the Procurer forthwith upon the issue of the letter of award to the said company.

This undertaking shall remain valid so long as the award and the project remains valid and subsisting and should the award be withdrawn and/or terminated and/or the project is cancelled for any reason whatsoever, the aforesaid sum of RM10 million shall be refunded free of interest to us.

2. Answer ALL parts of this question

You are approached by Mane to act for him and his deceased wife, Wani.

Mane says to you:

“We stay at 112 Cyberjaya View, Cyberjaya, 47100, Selangor. On Saturday 6 July 2019, my wife Wani and I went to University Peril, Sepang to watch a go-kart race which was jointly organised by the University and a private company called EIMAR Sdn. Bhd..

There were more than 5,000 spectators and the spectators were separated from the track and the racing go-kart by plastic barriers that were not filled with water or sand or any substance. Although there were safety tape partitions set up around the race course, the crowd had encroached into part of the cordoned off area between the safety tapes and the plastic barriers.

Both of us were standing at the back and could not see the race properly, so we made our way to the area in front of the plastic barriers. There was only one security guard who could not control the large crowd who had come forward.

Suddenly, two (2) of the go-karts, number 27 and 33 veered off the circuit while attempting to overtake go-kart number 22. Both go-karts then crashed into the right side where we were standing, hitting a number of spectators including Wani and me.

Wani died instantly while I was seriously injured. The next thing I remembered was waking up in Prince Court Medical Centre where I was surrounded by doctors and nurses. The first thing I asked for was Wani. I was informed that Wani had succumbed to her injuries almost instantaneously. I was in so much of trauma both mentally and physically. I remembered just screaming my lungs out.

If only we left a minute earlier or stayed put behind the safety tape this would not have happened! I was mercifully given sedatives to help me with my pain.

My parents visited me daily in the hospital during my stay. I was born on 1 January 1993 and I am a professional accountant. On the other hand, Wani was a homemaker and pregnant with our first child. I lost both my wife and my unborn child. At the time of accident, I was paid RM30,000.00 monthly. I gave Wani RM18,000.00 for the household expenses, to pay all our loans and for her expenses as I did not want her to work. I spent RM5,000.00 on my own needs.

I was in the hospital for three (3) months but received my salary in full. I have since returned to work with the same salary but I feel that my prospect of my further advancement has been affected because I can no longer stand or move comfortably and I am unable to go for meetings with my staff and I have some memory loss. In fact, my company has proposed that my salary be reduced to RM20,000.00 from January 2020. My medical bills of RM60,000.00 was paid by my employer in full.

Wani was twenty-eight (28) years old at the time of the accident. After our marriage, she decided to become a housewife. From the day she got married, she has been giving her parents RM2,500.00 monthly.”

Mane then tells you:

“Wani’s funeral cost me RM20,000.00. I feel very guilty for what has happened.”

Since the meeting you have obtained the following documents:

- Appendix A: Medical report by Dr. Ginny Yong
- Appendix B: Police report by Louis Hamilton

- (a) You are to comprehensively advise on the possible causes of action that arise. Your advice should also indicate any defence as to liability available to any person or persons identified as prospective defendant or defendants.**

(15 marks)

- (b) If you come to the conclusion that there is a cause of action available, you are to:**

- (i) Advise on the various items of damages claimable, as a result of the accident, explaining carefully how such damages are assessed by the Court. You are to advise on the principle relevant to the assessment of damages.**

(14 marks)

- (ii) How far would your advice on damages be different if the accident occurred on 1 December 2019?**

(6 marks)

- (c) Settle a Statement of Claim to be filed against the person or persons liable for such damage for personal injury only.**

(15 marks)

APPENDIX A

PRINCE COURT MEDICAL CENTRE

Date: 10.10.2019

To Whom It May Concern

Sir,

Re: Medical Report for Mane

The patient was brought into this hospital on 6.7.2019 after an alleged incident. There was history of loss of consciousness and he was in a daze upon arrival.

The patient was immediately sedated and x-ray done revealed closed fracture 3rd to 5th metatarsal bone and multiple abrasion wounds. He was noted to suffer from cerebral concussion with GCS 9/15 but with some permanent memory loss.

The patient underwent toilet and suturing for the multiple abrasion wounds. The fracture of 3rd to 5th metatarsal bones were treated conservatively and the patient was discharged with antibiotics after 3 months.

He will require physiotherapy for his stiff toes to return to their normal function and his work in future may be affected by his memory loss.

Signed .

.....

Dr. Ginny Yong

APPENDIX B**POLICE REPORT**

POLICE STATION : SEPANG
REPORT NO : 555/2019
DATE : 8 JULY 2019
TIME : 3.39PM

DETAILS OF PERSON MAKING REPORT

NAME : LOUIS HAMILTON
GENDER : MALE
AGE : 32 YEARS OLD
RACE : SERANI
OCCUPATION : MANAGER EIMAR SDN BHD

On 5.6.2019, I on behalf of my company EIMAR Sdn. Bhd. of No. 111 Jalan Ipoh Kuala Lumpur signed a contract with Avoid Sdn. Bhd. of No. 38, Jalan Sepang. Avoid Sdn. Bhd. are the owners of University Peril, Sepang.

We were to organise a go-kart race for the University on 6.7.2019. We were to provide the go-karts and the drivers. The University was to provide security and ensure safety of the public.

The race started off well but I noticed that security was lack and the spectators had come forward toward the area in front.

After around half an hour, 2 of the go-karts veered off course while attempting to overtake another go-kart. As a result, one female died and a number of spectators were injured.

The death and injury could have been avoided if the University had sufficient personnel to safeguard the spectators. I later also found out that the plastic barriers which are normally used to prevent the go-karts from veering off course and provided by us to the university were not filled at all.

I have made this report to protect my company.

Signed

Louis Hamilton

oOOo

(Bahasa Malaysia)



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN 2020**

KERTAS AM

Isnin, 29 Mac 2021

Masa Membaca : 10.30 pagi - 10.50 pagi

Masa Menjawab : 10.50 pagi - 1.50 petang

***KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) SOALAN.**

***JAWAB KEDUA-DUA SOALAN.**

***BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**

***KES DAN PERUNTUKAN STATUT YANG RELEVAN HENDAKLAH
DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga bertarikh 14.6.2000 tentang penggunaan Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan yang dicetak dalam 11 muka surat)

1. Jawab SEMUA bahagian soalan ini.

Kerajaan Malaysia telah merancang untuk membina jambatan bagi menggantikan jambatan yang sedia ada di sungai yang merentasi Kuala Terengganu (projek jambatan). Suatu syarikat yang diperbadankan tempatan yang dikenali sebagai Geta Projects Sdn. Bhd. (syarikat tersebut) berminat untuk mendapatkan projek jambatan itu. Seorang lelaki yang dikenali sebagai Dato Anthony Judas telah mendatangi syarikat tersebut dan telah menyakinkan pengarah urusan dan anggota Lembaga Pengarah syarikat tersebut bahawa oleh sebab hubungan rapat beliau dengan Menteri yang bertanggungjawab dengan projek jambatan itu, dia boleh mendapatkan projek jambatan itu daripada Kerajaan Malaysia untuk syarikat tersebut.

Syarikat tersebut telah menyempurnakan surat aku janji tidak boleh batal, yang sebagai balasan perkhidmatannya untuk mendapatkan projek tersebut, Dato Anthony Judas akan dibayar sejumlah RM10 juta oleh syarikat tersebut. Surat aku janji itu memperuntukkan bahawa sejumlah RM 10 juta akan dibayar selepas surat award dikeluarkan kepada syarikat tersebut. Surat aku janji itu bertarikh 2 Januari 2020. Pada 16 Januari 2020, surat award berhubung dengan projek jambatan telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut.

Telah berlaku bantahan awam terhadap pemberian award itu dan laporan telah dibuat oleh beberapa pihak kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Pada 24 Januari 2020, Kerajaan Malaysia telah membatalkan surat award itu kepada syarikat tersebut.

Anda telah diarahkan bahawa pihak-pihak tidak mempertikaikan surat aku janji itu. Syarikat tersebut kini telah meminta pandangan anda untuk menuntut pembayaran balik RM10 juta daripada Dato Anthony Judas:

- Lampiran A : Surat Aku Janji

- (a) **Nasihatkan anak guam anda berkenaan dengan kausa/kausa-kausa tindakan terhadap Dato Anthony Judas bagi pembayaran balik RM10 juta.**

(20 markah)

- (b) **Bincangkan secara ringkas jika kontrak yang dibuat antara pihak-pihak adalah berasaskan salah nyataan, apakah pilihan yang ada bagi pihak yang tidak bersalah?**

(10 markah)

- (c) **Sediakan pernyataan tuntutan untuk anak guam anda terhadap Dato Anthony Judas berdasarkan nasihat anda.**

(20 markah)

SURAT AKU JANJI

Geta Projects Sdn. Bhd.

Kepada

Dato Anthony Judas

(No KP)

Petaling Jaya, Selangor

(Pemeroleh)

Sebagai balasan bagi Pemeroleh memperoleh dan mendapatkan projek jambatan, syarikat tersebut akan membayar sejumlah RM10 juta kepada Pemeroleh dengan serta-merta setelah pengeluaran surat award kepada syarikat itu.

Aku janji ini hendaklah kekal sah selagi award dan projek itu kekal sah dan berterusan dan sekiranya award ditarik balik dan/atau ditamatkan dan/atau projek itu dibatalkan bagi apa-apa alasan jua, jumlah RM10 juta tersebut hendaklah dibayar balik tanpa faedah kepada kami.

2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Anda telah didatangi oleh Mane untuk bertindak bagi pihak beliau dan isterinya Wani yang telah meninggal dunia.

Mane memberitahu anda:

“Kami menetap di 112 Cyberjaya View, Cyberjaya, 47100, Selangor. Pada 6 Julai 2019, saya dan isteri saya, Wani telah ke Universiti Peril, Sepang untuk menyaksikan perlumbaan go-kart yang dianjurkan bersama oleh Universiti tersebut dan sebuah syarikat swasta yang dikenali sebagai EIMAR Sdn. Bhd..

Terdapat lebih daripada 5,000 penonton dan penonton telah diasingkan daripada balapan dan perlumbaan go-kart dengan pengadang plastik yang tidak dipenuhi dengan air atau tanah atau apa-apa bahan. Walaupun terdapat sesekat pita keselamatan yang diletakkan di sekeliling laluan perlumbaan, orang ramai telah memasuki sebahagian kawasan kepungan antara pita keselamatan dan pengadang plastik.

Kedua-dua kami berdiri di belakang dan tidak dapat melihat perlumbaan secara jelas, jadi kami telah pergi ke kawasan di hadapan pengadang plastik. Hanya terdapat seorang pengawal keselamatan yang tidak dapat mengawal ramai orang yang telah mara ke hadapan.

Tiba-tiba, dua (2) daripada go-kart itu, nombor 27 dan 33 telah terbabas daripada litar semasa sedang cuba untuk memotong go-kart nombor 22. Kedua-dua go-kart itu kemudiannya telah merembuh ke sebelah kanan di mana kami berdiri, melanggar beberapa penonton termasuk saya dan Wani.

Wani meninggal serta-merta sementara saya telah cedera parah. Apa yang saya ingat selepas itu adalah tersedar di Prince Court Medical Centre di mana saya dikelilingi oleh para doktor dan jururawat. Perkara pertama yang saya tanya

adalah mengenai Wani. Saya diberitahu bahawa Wani telah meninggal hampir serta-merta akibat kecederaannya. Saya telah mengalami trauma mental dan fizikal yang teruk. Saya ingat yang saya hanya menjerit sekuat hati. Jika kami beredar seminit awal atau kekal berada dibelakang pita keselamatan kejadian ini tidak akan terjadi! Saya telah diberikan sedatif dengan belas kasihan untuk membantu melegakan kesakitan saya.

Ibubapa saya telah melawat saya setiap hari di hospital semasa saya tinggal di sana. Saya dilahirkan pada 1 Januari 1993 dan saya seorang akauntan profesional. Selain itu, Wani merupakan suri rumah dan sedang mengandung anak pertama kami. Saya kehilangan kedua-dua isteri dan anak yang belum lahir. Pada masa kemalangan, saya dibayar RM30,000.00 sebulan. Saya memberi Wani RM18,000.00 bagi perbelanjaan keluarga, untuk membayar semua pinjaman kami dan bagi perbelanjaan beliau memandangkan saya tidak mahu beliau bekerja. Saya membelanjakan RM5,000.00 bagi keperluan sendiri.

Saya berada di hospital selama tiga (3) bulan tetapi menerima gaji saya secara penuh. Saya sejak itu telah kembali bekerja dengan gaji yang sama tetapi saya merasakan peluang untuk kenaikan pangkat selanjutnya telah terjejas kerana saya tidak lagi boleh berdiri dan bergerak dengan selesa dan saya tidak boleh menghadiri mesyuarat dengan kakitangan saya dan saya mengalami kehilangan ingatan. Malahan, syarikat saya telah mencadangkan gaji saya dikurangkan kepada RM20,000.00 bermula Januari 2020. Bil perubatan saya sebanyak RM60,000.00 telah dibayar secara penuh oleh majikan saya.

Wani berumur dua puluh lapan (28) tahun pada masa kemalangan. Selepas perkahwinan kami, beliau telah membuat keputusan untuk menjadi suri rumah. Sejak hari beliau berkahwin, beliau telah memberikan ibubapanya RM2,500.00 setiap bulan.”

Mane kemudian memberitahu anda:

“Saya membelanjakan RM20,000.00 untuk kos pengebumian Wani. Saya berasa terlalu bersalah dengan apa yang telah berlaku.”

Sejak pertemuan itu anda telah mendapatkan dokumen yang berikut:

- Lampiran A: Laporan perubatan oleh Dr. Ginny Yong
- Lampiran B: Laporan polis oleh Louis Hamilton

(a) Anda hendaklah menasihati secara komprehensif mengenai kausa tindakan yang mungkin berbangkit. Nasihat anda hendaklah juga menyatakan apa-apa pembelaan mengenai liabiliti yang tersedia kepada mana-mana orang atau beberapa orang yang dikenal pasti yang dijangka menjadi sebagai defendan atau defendan-defendan.

(15 markah)

(b) Jika anda membuat kesimpulan bahawa terdapat kausa tindakan, anda hendaklah:

- (i) Menasihati mengenai pelbagai butiran gantirugi yang boleh dituntut, akibat daripada kemalangan itu, terangkan dengan teliti bagaimana gantirugi itu ditaksir oleh Mahkamah. Anda hendaklah memberikan nasihat mengenai prinsip yang berkaitan dengan taksiran gantirugi.**

(14 markah)

(ii) Sejauh mana nasihat anda mengenai gantirugi itu akan berbeza jika kemalangan itu berlaku pada 1 Disember 2019?

(6 markah)

(c) Sediakan Pernyataan Tuntutan untuk difailkan terhadap orang atau beberapa orang yang bertanggung bagi gantirugi tersebut untuk kecederaan diri sahaja.

(15 markah)

PRINCE COURT MEDICAL CENTRE

Tarikh: 10.10.2019

Kepada sesiapa yang berkenaan

Tuan,

Per: Laporan Perubatan bagi Mane

Pesakit telah dibawa ke hospital ini pada 6.7.2019 selepas kejadian yang dikatakan. Terdapat sejarah kehilangan kesedaran dan dia dalam keadaan bingung apabila tiba.

Pesakit serta-merta diberi sedatif dan x-ray yang dijalankan menunjukkan keretakan dalaman pada tulang metatarsus ke-3 dan ke-5 dan luka pelalasan berganda. Dia didapati mengalami konkusi serebrum dengan GCS 9/15 tetapi dengan sedikit kehilangan ingatan kekal.

Pesakit menjalani pencucian dan jahitan bagi luka pelalasan berganda. Keretakan tulang metatarsus ke-3 dan ke-5 dirawat secara konservatif dan pesakit telah dibenarkan pulang dengan antibiotik selepas 3 bulan.

Beliau akan memerlukan fisioterapi bagi jari kakinya yang kaku untuk mengembalikan kepada fungsi normalnya dan kerjaya beliau di masa hadapan boleh terjejas akibat kehilangan ingatannya.

Tandatangan

.....

Dr. Ginny Yong

LAMPIRAN B**LAPORAN POLIS**

BALAI POLIS : SEPANG
NO LAPORAN : 555/2019
TARIKH : 8 JULAI 2019
MASA : 3.39 PETANG

BUTIRAN ORANG YANG MEMBUAT LAPORAN

NAMA : LOUIS HAMILTON
JANTINA : LELAKI
UMUR : 32 TAHUN
BANGSA : SERANI
PEKERJAAN : PENGURUS EIMAR SDN BHD

Pada 5.6.2019, saya bagi pihak syarikat saya EIMAR Sdn. Bhd. No. 111 Jalan Ipoh Kuala Lumpur telah menandatangani kontrak dengan Avoid Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 38, Jalan Sepang. Avoid Sdn. Bhd. ialah pemilik Universiti Peril, Sepang.

Kami menganjurkan perlumbaan go-kart bagi Universiti pada 6.7.2019. Kami perlu menyediakan go-kart dan pemandu. Universiti perlu menyediakan kawalan keselamatan dan memastikan keselamatan orang awam.

Perlumbaan bermula dengan baik tetapi saya dapati kawalan keselamatan longgar dan penonton telah mara ke arah kawasan di hadapan.

Selepas lebih kurang setengah jam, 2 daripada go-kart itu telah terbabas keluar dari laluan semasa cubaan untuk memotong go-kart lain. Akibat daripadanya, seorang wanita telah meninggal dan beberapa penonton telah tercedera.

Kematian dan kecederaan sepatutnya boleh dielakkan sekiranya Universiti mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengawal keselamatan penonton. Saya juga kemudiannya mendapati pengadang plastik yang biasanya digunakan untuk

mengelak go-kart daripada terbabas keluar dari laluan dan yang telah disediakan oleh kami kepada universiti langsung tidak digunakan.

Saya membuat laporan ini untuk melindungi syarikat saya.

Tandatangan

Louis Hamilton

oOOo